



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**SIARAN AKHBAR
MAJLIS ANGGAT SUMPAH JAWATAN
PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN**

Majlis angkat sumpah jawatan Presiden Mahkamah Rayuan YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin diadakan pada 28 September 2017 di Istana Kehakiman.

YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin

YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dilahirkan pada 28 Mac 1951 di Ipoh, Perak. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana Undang-Undang dari University College of London.

YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin memulakan kerjaya beliau sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara pada 1976. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan Selangor. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Lembaga Penasihat di Pejabat Lembaga Penasihat Jabatan Perdana Menteri di Taiping, Perak.

YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 01.11.1994 sehingga 11.01.1996. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pada 12.01.1996 sehingga 16.06.2005 dan dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan pada 17.06.2005 sehingga 04.09.2007. Beliau dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 05.09.2007 sehingga 11.09.2011 seterusnya dilantik sebagai Hakim Besar Malaya pada 12.09.2011 sehingga 31.03.2017. YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin kemudiannya dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan pada 01.04.2017 sehingga 27.09.2017. Pada 23.09.2017 yang lepas, DYMM Yang Di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V telah berkenan mengurniakan surat cara pelantikan Presiden Mahkamah Rayuan kepada YAA Tan Sri Dato' Seri Zulkefli bin Ahmad Makinudin bagi menyambung perkhidmatan beliau untuk tempoh dua tahun lagi bermula daripada 28.09.2017.

BERTARIKH 28 SEPTEMBER 2017
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA